

DATE: 12/04/2008

Abdullah, Najib bincang peralihan kuasa

BH-12/4/2008

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berbincang dengan Datuk Seri Najib Razak mengenai pelan peralihan kuasa kepada timbalannya itu, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Tempoh peralihan dan sebagainya tidak disebut secara terperinci... hal-hal berkaitan dengan bila masa dan sebagainya beliau akan bincang dengan Najib," kata Muhyiddin kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan Abdullah dengan Badan Perhubungan Umno Johor di sebuah hotel di sini, semalam.

Perjumpaan itu membabitkan semua 26 ketua bahagian Umno Johor.

Hadir sama Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor yang juga Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pengajian Tinggi yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, Abdullah secara terbuka sebelum ini menyatakan bahawa Najib bakal menggantikan beliau.

Abdullah, yang juga Presiden Umno memberitahu Majlis Penerangan Bersama Presiden Umno untuk jentera penerangan parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, Sabtu lalu, bahawa Najib adalah penggantinya dan beliau akan menyerahkan jawatan apabila tiba masanya.

Muhyiddin, yang juga Ketua Umno Bahagian Pagoh berkata, pada perjumpaan itu juga, Abdullah menjelaskan isu yang dibangkitkan berkaitan pilihan raya umum lalu seperti punca kekalahan, isu berkaitan sokongan pengundi bukan Melayu dan pengundi muda.

"Beliau juga menyatakan ada inisiatif sedang dirangka untuk menangani masalah ini supaya parti lebih kuat lagi," katanya.

Beliau berkata, Abdullah meminta pimpinan pada semua peringkat membantu dalam perkara berkenaan.

Ketua Penerangan Umno Johor, Dr Mohd Puad Zarkashi yang juga Ketua Umno Batu Pahat berkata, pelan peralihan kuasa itu akan menjawab persoalan yang timbul di kalangan rakyat dan meningkatkan sokongan mereka terhadap kerajaan. — Bernama